

Journal of Islamic Educational Research (JIER)
e-ISSN: 0128-2069

Keberkesanan Kaedah Pengajaran Pendidikan Islam Berasaskan Kecerdasan Pelbagai Terhadap Pencapaian Akademik Murid Tahap 2

The Effectiveness of The Islamic Education Teaching Method Based on Multiple Intelligence on The Academic Achievement of Students at Level 2

Rashidin Idris*, Juppri Bacotang**, Abd Aziz Rekan***, Fariha Diyana Awang Ali****, Masfura Azmi*****, & Noor Fadzana Mohd Noor*****

Article Information	ABSTRACT
<i>Received:</i> 04.05.2026	Kajian ini bertujuan menilai keberkesanan kaedah pengajaran Pendidikan Islam berasaskan Kecerdasan Pelbagai terhadap pencapaian akademik murid Tahun 4 dan Tahun 5 di Sekolah Rendah Integrasi Teras Islam (SRITI). Walaupun pendekatan Kecerdasan Pelbagai dikenal pasti sebagai pedagogi berpusatkan murid yang berpotensi meningkatkan pembelajaran, amalan pengajaran Pendidikan Islam masih banyak bergantung kepada pendekatan tradisional yang kurang mengambil kira kepelbagaian kecerdasan murid. Sehubungan itu, kajian ini dijalankan bagi menilai secara empirikal keberkesanan pendekatan tersebut dalam konteks bilik darjah sebenar. Kajian ini menggunakan reka bentuk kuasi-eksperimen satu kumpulan pra dan pasca yang melibatkan seramai 57 orang murid. Intervensi pengajaran dirancang dengan memberi tumpuan kepada tiga domain kecerdasan pelbagai yang dominan, iaitu kecerdasan Eksistensial, Intrapersonal dan Interpersonal. Instrumen kajian terdiri daripada Inventori Kecerdasan Pelbagai dan ujian pencapaian akademik Pendidikan Islam sebagai ujian pra dan pasca. Data dianalisis menggunakan statistik deskriptif, ujian-t sampel berpasangan dan pengiraan saiz kesan Cohen's. Dapatan kajian menunjukkan peningkatan skor min pencapaian akademik daripada 74.16 kepada 76.12 dengan perbezaan yang signifikan secara statistik ($t = -3.03$, $p < .05$) dan saiz kesan sederhana ($d = 0.43$). Analisis mengikut domain kecerdasan mendapati kecerdasan Intrapersonal menunjukkan perbezaan yang signifikan dengan saiz kesan besar, manakala kecerdasan Eksistensial dan Interpersonal menunjukkan peningkatan yang positif tetapi tidak signifikan. Secara keseluruhannya, kajian ini membuktikan bahawa pengajaran
<i>Accepted:</i> 18.06.2026	

* Lecturer at the Department of Social Science, Faculty of Education, Universiti Selangor, Selangor, Malaysia. E-mail: rashidin@unisel.edu.my. ORCID: 0009-0001-3466-4695

** Senior Lecturer at the Faculty of Education and Sports Studies, Universiti Malaysia Sabah, Sabah, Malaysia. E-mail: juppri@ums.edu.my. ORCID: 0000-0002-0505-5655 (Corresponding author)

*** Associate Professor at the Faculty of Education and Sports Studies, Universiti Malaysia Sabah, Sabah, Malaysia. E-mail: abdazizrkn@ums.edu.my. ORCID: 0000-0003-4175-2543

**** Lecturer at the Faculty of Education, Open University Malaysia, Malaysia. E-mail: Fariha_diyana@oum.edu.my. ORCID: 0009-0006-9795-5605

***** Department of Islamic Studies, Faculty of Education and Social Sciences, Universiti Selangor, Selangor, Malaysia. E-mail: masfura7@gmail.com

***** Lecturer at the Department of Islamic Studies, Faculty of Education and Social Sciences, Universiti Selangor, Selangor, Malaysia. Email: fadzana@unisel.edu.my. ORCID: 0000-0002-3760-4292

Pendidikan Islam berasaskan Kecerdasan Pelbagai berpotensi meningkatkan pencapaian akademik murid, khususnya melalui strategi yang berfokuskan kecerdasan Intrapersonal.

Kata Kunci: Kecerdasan Pelbagai, Pendidikan Islam, Pencapaian Akademik, Kuasi-Eksperimen, Murid Tahap Dua

This study aims to evaluate the effectiveness of the Islamic Education teaching method based on Multiple Intelligences on the academic achievement of Year 4 and Year 5 students in Islamic Core Integration Primary Schools (SRITI). Although the Multiple Intelligences approach is identified as a student-centered pedagogy that has the potential to improve learning, Islamic Education teaching practices still rely heavily on traditional approaches that do not take into account the diversity of student intelligence. Accordingly, this study was conducted to empirically evaluate the effectiveness of the approach in a real classroom context. This study used a quasi-experimental design of a pre- and post-group involving 57 students. The teaching intervention was designed to focus on three dominant multiple intelligence domains, namely existential, intrapersonal and interpersonal intelligence. The study instruments consisted of the Multiple Intelligence Inventory and the Islamic Education academic achievement test as pre- and post-tests. Data were analyzed using descriptive statistics, paired sample t-tests and Cohen's d effect size calculation. The study findings showed an increase in the mean academic achievement score from 74.16 to 76.12 with a statistically significant difference ($t = -3.03, p < .05$) and a medium effect size ($d = 0.43$). Analysis by intelligence domain found that intrapersonal intelligence showed a significant difference with a large effect size, while existential and interpersonal intelligence showed a positive but not significant increase. Overall, this study proves that teaching Islamic Education based on Multiple Intelligences has the potential to improve students' academic achievement, especially through strategies that focus on intrapersonal intelligence.

Keywords: Multiple Intelligences, Islamic Education, Academic Achievement, Quasi-Experimental, Second Grade Students

Maklumat Sitasi: Idris, R., Bacotang, J., Rekan, A. A., Awang Ali, F. D., Azmi, M., & Mohd Noor, N. F. (2026). Keberkesanan Kaedah Pengajaran Pendidikan Islam Berasaskan Kecerdasan Pelbagai Terhadap Pencapaian Akademik Murid Tahap 2. *Journal of Islamic Educational Research* 12(1), 124-135.

1. PENGENALAN

Pendidikan Islam merupakan komponen penting dalam sistem pendidikan Malaysia yang berperanan membentuk kefahaman agama, penghayatan nilai serta pembinaan akhlak murid secara holistik. Selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Pendidikan Islam bukan sekadar bertujuan menyampaikan pengetahuan, malah berfungsi membangunkan insan yang seimbang dari aspek intelek, rohani, emosi dan jasmani (Nawi et al., 2023). Namun demikian, dalam landskap pendidikan abad ke-21 yang semakin mencabar, keberkesanan Pendidikan Islam perlu dinilai bukan sahaja melalui pencapaian akademik, tetapi juga melalui kualiti pedagogi yang digunakan dalam bilik darjah (Gianini, 2025).

Kajian-kajian pendidikan kontemporari menunjukkan bahawa pendekatan pengajaran berpusatkan guru dan bersifat seragam masih dominan dalam amalan bilik darjah, walaupun murid memiliki kebolehan, minat dan gaya pembelajaran yang berbeza (Setiawan et al., 2020; Rifqi & Suwendi, 2025). Pendekatan ini sering mengabaikan kepelbagaian potensi murid, sekali gus menjejaskan penglibatan aktif, motivasi dan pencapaian akademik mereka. Dalam mata pelajaran Pendidikan Islam yang menekankan penghayatan nilai dan pembentukan sahsiah, kelemahan pedagogi ini boleh memberi kesan yang lebih ketara terhadap keberkesanan pembelajaran.

Seiring dengan perkembangan teori pendidikan, pendekatan pedagogi berbeza yang berasaskan potensi murid semakin mendapat perhatian. Teori Kecerdasan Pelbagai yang diperkenalkan oleh Gardner mengemukakan pandangan bahawa kecerdasan manusia tidak bersifat tunggal, sebaliknya merangkumi pelbagai domain kecerdasan yang relatif bebas antara satu sama lain. Pendekatan ini menekankan bahawa pembelajaran akan menjadi lebih bermakna apabila pengajaran disesuaikan dengan kekuatan kecerdasan

murid (Lei et al., 2021; Munzaini et al., 2023).

Dalam konteks Pendidikan Islam, pendekatan Kecerdasan Pelbagai mempunyai potensi besar kerana kandungannya merangkumi dimensi kognitif, afektif dan spiritual. Aktiviti reflektif, pembelajaran sendiri dan interaksi sosial amat sesuai diaplikasikan bagi membantu murid memahami dan menghayati ajaran Islam secara bermakna. Walau bagaimanapun, kebanyakan kajian berkaitan Kecerdasan Pelbagai dalam Pendidikan Islam masih bersifat deskriptif atau korelasi, yang menghadkan keupayaan untuk membuat kesimpulan sebab-akibat (Kadis et al., 2023; Lubis et al., 2024).

Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi menilai secara empirikal keberkesanan kaedah pengajaran Pendidikan Islam berasaskan Kecerdasan Pelbagai terhadap pencapaian akademik murid Tahap 2 melalui reka bentuk kuasi-eksperimen. Fokus diberikan kepada tiga domain kecerdasan pelbagai yang paling dominan, iaitu kecerdasan Eksistensial, Intrapersonal dan Interpersonal. Kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada pengukuhan amalan pedagogi Pendidikan Islam serta memperkaya literatur penyelidikan pendidikan Islam berasaskan pendekatan Kecerdasan Pelbagai. Berikut adalah objektif, persoalan dan hipotesis kajian ini secara lebih ringkas.

Objektif Kajian:

1. Mengetahui pasti kecerdasan dominan murid berdasarkan domain Eksistensial, Intrapersonal dan Interpersonal.
2. Menentukan tahap pencapaian akademik sebelum dan selepas intervensi.
3. Menilai perbezaan skor pra dan pasca bagi murid dominan Eksistensial, Intrapersonal dan Interpersonal.

Persoalan Kajian:

1. Adakah kecerdasan dominan murid berdasarkan Eksistensial, Intrapersonal dan Interpersonal?
2. Adakah tahap pencapaian akademik murid sebelum dan selepas intervensi?
3. Adakah terdapat perbezaan signifikan skor pra dan pasca bagi murid Eksistensial, Intrapersonal dan Interpersonal?

Hipotesis Kajian:

1. H₁: Tiada perbezaan yang signifikan antara skor pra dan pasca bagi murid Eksistensial
2. H₂: Tiada perbezaan yang signifikan antara skor pra dan pasca bagi murid Intrapersonal
3. H₃: Tiada perbezaan yang signifikan antara skor pra dan pasca bagi murid Interpersonal

2. LITERATUR KAJIAN

Pendidikan Islam memainkan peranan penting dalam pembentukan sahsiah, nilai moral dan kefahaman agama murid sejak peringkat awal persekolahan. Namun, dalam konteks pendidikan abad ke-21, Pendidikan Islam turut berdepan cabaran yang sama seperti mata pelajaran lain, khususnya dalam aspek keberkesanan pedagogi dan penglibatan murid dalam pembelajaran (OECD, 2021; UNESCO, 2021). Pendekatan pengajaran yang terlalu berpusatkan guru dan berorientasikan penyampaian kandungan didapati kurang berkesan dalam memenuhi keperluan murid yang mempunyai kebolehan dan gaya pembelajaran yang pelbagai (Supriatna et al., 2021).

Kajian-kajian terkini menunjukkan bahawa pengajaran yang tidak mengambil kira kepelbagaian murid cenderung menyebabkan penurunan motivasi, penglibatan pasif serta pencapaian akademik yang sederhana, terutamanya dalam mata pelajaran yang memerlukan penghayatan nilai seperti Pendidikan Islam (Makki et al., 2023). Justeru, keperluan kepada pendekatan pedagogi yang lebih fleksibel, berpusatkan murid dan berasaskan kekuatan pembelajaran mereka menjadi semakin mendesak.

2.1. Teori Kecerdasan Pelbagai sebagai Asas Pedagogi Berbeza

Teori Kecerdasan Pelbagai yang diperkenalkan oleh Howard Gardner mengemukakan pandangan bahawa kecerdasan manusia tidak bersifat tunggal, sebaliknya terdiri daripada pelbagai domain kecerdasan yang relatif bebas antara satu sama lain. Walaupun teori ini telah diperkenalkan lebih awal, penyelidikan mutakhir menunjukkan bahawa aplikasi prinsip Kecerdasan Pelbagai dalam pengajaran masih relevan dan berkesan apabila dilaksanakan secara sistematik dan berpandukan objektif pembelajaran yang jelas (Munjiat et al., 2025).

Dalam konteks pendidikan kontemporari, Teori Kecerdasan Pelbagai sering dikaitkan dengan konsep pedagogi berbeza dan pembelajaran inklusif. Setiawan et al. (2020) menegaskan bahawa pengajaran yang mengambil kira perbezaan kecerdasan murid membolehkan guru merancang aktiviti pembelajaran yang lebih fleksibel dan bermakna, seterusnya meningkatkan peluang murid mencapai hasil pembelajaran yang optimum. Pendekatan ini selari dengan keperluan pendidikan abad ke-21 yang menekankan pembangunan potensi individu secara menyeluruh (Gianini, 2025).

2.2. Kecerdasan Pelbagai dan Pencapaian Akademik Murid

Hubungan antara pengajaran berasaskan Kecerdasan Pelbagai dan pencapaian akademik murid telah dikaji secara meluas dalam pelbagai konteks pendidikan. Meta-analisis oleh Kadis et al. (2023) mendapati bahawa intervensi pengajaran berasaskan Kecerdasan Pelbagai menunjukkan kesan positif sederhana terhadap pencapaian akademik murid merentas mata pelajaran. Dapatan ini menunjukkan bahawa pendekatan ini bukan sekadar teori konseptual, tetapi mempunyai potensi praktikal apabila dilaksanakan secara terancang.

Kajian eksperimen dan kuasi-eksperimen di peringkat sekolah rendah turut melaporkan peningkatan pencapaian akademik apabila pengajaran disesuaikan dengan kekuatan kecerdasan murid (Al Hosni & Al-Manthari, 2021). Namun demikian, kesan intervensi didapati berbeza mengikut konteks, tempoh intervensi dan domain kecerdasan yang diberi penekanan. Hal ini menunjukkan bahawa pemilihan domain kecerdasan yang relevan dengan konteks pembelajaran adalah faktor penting dalam menentukan keberkesanan pendekatan ini.

2.3. Kecerdasan Eksistensial, Intrapersonal dan Interpersonal dalam Pembelajaran

Penyelidikan terkini menunjukkan bahawa kecerdasan Eksistensial, Intrapersonal dan Interpersonal mempunyai hubungan yang signifikan dengan pembelajaran bermakna dan pencapaian akademik, khususnya dalam mata pelajaran berorientasikan nilai dan kemanusiaan (Kamilia, 2023).

Kecerdasan Eksistensial merujuk kepada kemampuan individu memahami persoalan makna kehidupan, nilai moral dan tujuan pembelajaran. Dalam konteks Pendidikan Islam, kecerdasan ini membantu murid mengaitkan kandungan pembelajaran dengan realiti kehidupan dan amalan agama, seterusnya meningkatkan kefahaman dan penghayatan nilai (Hashim, 2022; Abdullah et al., 2023).


Kecerdasan Intrapersonal pula berkait rapat dengan kesedaran sendiri, refleksi diri dan regulasi pembelajaran. Kajian oleh Barman dan Roy (2021) menunjukkan bahawa murid yang memiliki kemahiran refleksi dan regulasi diri yang tinggi cenderung mencapai pencapaian akademik yang lebih baik. Dalam pendidikan Islam, pendekatan ini menyokong pembentukan sahsiah dan tanggungjawab diri murid terhadap pembelajaran dan amalan agama (Al Arood et al., 2020; Rafi et al., 2025).

Kecerdasan Interpersonal menekankan kemampuan berinteraksi dan bekerjasama dengan orang lain. Pembelajaran koperatif dan interaksi sosial didapati meningkatkan penglibatan murid serta menyokong pembinaan kemahiran sosial dan nilai murni (Kamilia, 2023). Dalam konteks Pendidikan Islam, pendekatan ini membantu murid menghayati nilai akhlak melalui pengalaman pembelajaran secara kolaboratif (Sandy et al., 2024).

2.4. Kecerdasan Pelbagai dalam Pendidikan Islam

Kajian berkaitan aplikasi Kecerdasan Pelbagai dalam Pendidikan Islam semakin berkembang sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Nurhikmah (2023) mendapati bahawa pengajaran Pendidikan Islam berasaskan Kecerdasan Pelbagai meningkatkan penglibatan murid dan kefahaman konsep agama. Kajian Berliana et al. (2023) pula melaporkan peningkatan pencapaian akademik murid apabila pendekatan ini diaplikasikan secara sistematik.

Walau bagaimanapun, sebahagian besar kajian ini menggunakan reka bentuk bukan eksperimen, seperti kajian deskriptif dan korelasi, yang menghadkan kesimpulan berkaitan hubungan sebab-akibat. Oleh itu, terdapat keperluan mendesak untuk kajian berbentuk eksperimen atau kuasi-eksperimen bagi menyediakan bukti empirikal yang lebih kukuh tentang keberkesanan pendekatan Kecerdasan Pelbagai dalam Pendidikan Islam.



Rajah 1: Kerangka Konseptual Kajian

Kecerdasan Pelbagai merujuk kepada teori yang dikemukakan oleh Howard Gardner yang menyatakan bahawa kecerdasan manusia tidak bersifat tunggal dan tidak boleh diukur hanya melalui kebolehan linguistik dan logik-matematik semata-mata. Sebaliknya, Gardner mencadangkan bahawa individu mempunyai pelbagai domain kecerdasan yang relatif bebas antara satu sama lain dan boleh berkembang melalui pengalaman serta persekitaran pembelajaran yang sesuai (Gardner & Hatch, 1989).

Menurut Zakaria dan Daud (2020), kecerdasan Eksistensial melibatkan keupayaan individu merenung persoalan makna, kehidupan dan nilai moral. Dalam pendidikan, domain ini membantu murid memahami tujuan pembelajaran dan mengaitkannya dengan kehidupan sebenar. Kecerdasan Intrapersonal pula merujuk kepada keupayaan memahami diri sendiri, termasuk emosi, motivasi dan kekuatan peribadi. Domain ini menyokong pembelajaran sendiri dan pembentukan regulasi diri (Munjiat et al., 2025). Kecerdasan interpersonal merujuk kepada keupayaan memahami orang lain, bekerjasama dan berkomunikasi secara berkesan. Dalam bilik darjah, domain ini menyokong pembelajaran koperatif dan interaksi sosial yang positif (Lei et al., 2021). Berdasarkan teori ini, kerangka konseptual kajian meletakkan strategi pengajaran berasaskan tiga kecerdasan tersebut sebagai pemboleh ubah bebas, manakala pencapaian akademik Pendidikan Islam sebagai pemboleh ubah bersandar.

3. METODOLOGI

Kajian ini menggunakan reka bentuk kuasi-eksperimen satu kumpulan pra dan pasca bagi menilai keberkesanan kaedah pengajaran Pendidikan Islam berasaskan Kecerdasan Pelbagai terhadap pencapaian akademik murid. Reka bentuk ini dipilih kerana ia sesuai dilaksanakan dalam konteks bilik darjah sebenar tanpa mengganggu struktur kelas sedia ada, di samping membolehkan penilaian kesan intervensi secara empirikal (Creswell & Creswell, 2017).

Pendekatan pra-pasca membolehkan perbandingan dibuat antara pencapaian akademik murid sebelum dan selepas intervensi pengajaran dilaksanakan. Walaupun reka bentuk ini tidak melibatkan pengagihan rawak sepenuhnya, ia masih dianggap sesuai dan praktikal dalam kajian pendidikan sebenar, khususnya apabila

kawalan ketat terhadap pembolehubah luaran sukar dilaksanakan (Cohen et al., 2002).

Populasi kajian terdiri daripada murid Tahap 2 di Sekolah Rendah Integrasi Teras Islam (SRITI). Berdasarkan pertimbangan metodologi dan arahan penyelia, sampel kajian difokuskan kepada murid Tahun 4 dan Tahun 5 sahaja, manakala murid Tahun 6 tidak disertakan dalam analisis. Pengecualian murid Tahun 6 bertujuan memastikan keseragaman tahap perkembangan akademik serta mengurangkan pengaruh faktor luaran seperti persediaan peperiksaan. Seramai 57 orang murid dipilih sebagai sampel kajian menggunakan kaedah persampelan bertujuan. Pemilihan sampel ini selari dengan keperluan kajian kuasi-eksperimen yang menggunakan kumpulan sedia ada dalam konteks sekolah sebenar (Maciejewski, 2020). Berikut menunjukkan strategi-strategi yang digunakan berdasarkan domain Kecerdasan Pelbagai yang digunakan sebagai kaedah intervensi dalam pengajaran dan pembelajaran terhadap responden kajian.

Jadual 2: Strategi Pengajaran Berasaskan Kecerdasan Eksistensial

Aspek	Perincian
Fokus Kecerdasan	Eksistensial
Ciri Utama Murid	Pemaknaan nilai, kesedaran tujuan dan tanggungjawab
Strategi Pengajaran	Soalan reflektif, perbincangan nilai, kaitan isi pelajaran dengan kehidupan
Bentuk Aktiviti	Refleksi pengalaman, perbincangan kelas, analisis situasi harian
Peranan Guru	Fasilitator, pembimbing nilai
Peranan Murid	Refleksi, perkongsian pandangan dan penghayatan nilai

Jadual 2 menunjukkan strategi pengajaran yang dilaksanakan berasaskan kecerdasan Eksistensial, yang menekankan pemaknaan nilai, kesedaran tujuan dan tanggungjawab murid. Strategi pengajaran seperti soalan reflektif dan perbincangan nilai digunakan bagi membantu murid mengaitkan isi pelajaran Pendidikan Islam dengan kehidupan seharian. Aktiviti refleksi pengalaman, perbincangan kelas dan analisis situasi harian membolehkan murid memahami pembelajaran secara lebih bermakna. Dalam strategi ini, guru berperanan sebagai fasilitator dan pembimbing nilai, manakala murid terlibat secara aktif melalui refleksi dan perkongsian pandangan. Pendekatan ini selari dengan ciri kecerdasan Eksistensial dan menyokong pembentukan penghayatan nilai dalam pembelajaran Pendidikan Islam.

Jadual 3: Strategi Pengajaran Berasaskan Kecerdasan Intrapersonal

Aspek	Perincian
Fokus Kecerdasan	Intrapersonal
Ciri Utama Murid	Kesedaran sendiri, refleksi diri
Strategi Pengajaran	Refleksi sendiri, pembelajaran sendiri
Bentuk Aktiviti	Jurnal refleksi, penilaian sendiri, matlamat pembelajaran
Peranan Guru	Pembimbing sendiri
Peranan Murid	Penilaian diri, pembelajaran regulasi (self-regulated learning)

Jadual 3 menunjukkan strategi pengajaran yang dilaksanakan berasaskan kecerdasan Intrapersonal, yang menekankan kesedaran sendiri dan refleksi diri murid. Strategi seperti refleksi sendiri dan pembelajaran sendiri digunakan bagi membantu murid menilai kefahaman serta pengamalan mereka terhadap kandungan Pendidikan Islam. Aktiviti jurnal refleksi, penilaian sendiri dan penetapan matlamat pembelajaran memberi ruang kepada murid membina pembelajaran regulasi secara sendiri, manakala guru berperanan sebagai pembimbing sendiri yang menyokong proses refleksi tersebut. Pendekatan ini membantu murid mengambil tanggungjawab terhadap pembelajaran dan menyokong peningkatan pencapaian akademik.

Jadual 4: Strategi Pengajaran Berasaskan Kecerdasan Interpersonal

Aspek	Perincian
Fokus Kecerdasan	Interpersonal
Ciri Utama Murid	Interaksi sosial, kerjasama
Strategi Pengajaran	Pembelajaran koperatif, interaksi kumpulan
Bentuk Aktiviti	Perbincangan kumpulan, pembentangan, lakonan situasi (<i>role-model</i>)

Peranan Guru
Peranan Murid

Fasilitator interaksi
Kerjasama dan komunikasi

Jadual 4 memperincikan strategi pengajaran yang dilaksanakan berasaskan kecerdasan interpersonal, iaitu kecerdasan yang menekankan interaksi sosial dan kerjasama dalam pembelajaran. Strategi pengajaran seperti pembelajaran koperatif dan interaksi kumpulan digunakan bagi menggalakkan penglibatan aktif murid dalam proses pembelajaran Pendidikan Islam. Aktiviti perbincangan kumpulan, pembentangan dan lakonan situasi membolehkan murid berkongsi idea serta menghayati nilai akhlak melalui pengalaman pembelajaran kolaboratif. Dalam pelaksanaan strategi ini, guru berperanan sebagai fasilitator interaksi, manakala murid terlibat secara aktif melalui kerjasama dan komunikasi dengan rakan sebaya.

Selain itu, data kajian dianalisis menggunakan perisian *Statistical Packages for the Social Sciences* (SPSS) versi 30. Analisis deskriptif digunakan untuk mendapatkan skor nilai min dan sisihan piawai. Bagi analisis inferensi, ujian pra dan pasca digunakan dengan ujian t berpasangan digunakan bagi menentukan perbezaan kesan terhadap perbezaan pencapaian akademik sebelum dan selepas proses intervensi dilaksanakan. Manakala, analisis kesan Cohen's dalam kajian ini digunakan bagi menafsir sejauh mana magnitud kesan intervensi pengajaran terhadap pencapaian akademik murid. Jadual 5 menunjukkan penjelasan ringkas mengenai garis panduan umum yang dikemukakan oleh Cohen (Cignac & Szodorai, 2016).

Jadual 5: Saiz Kesan Cohen's

Nilai Cohen's	Tahap Saiz Kesan	Tafsiran Umum
0.00 - 0.19	Sangat kecil	Kesan hampir tiada atau tidak bermakna secara praktikal
0.20 - 0.49	Kecil	Kesan wujud tetapi lemah dari sudut praktikal
0.50 - 0.79	Sederhana	Kesan jelas dan bermakna secara praktikal
≥ 0.80	Besar	Kesan kuat dan signifikan dari sudut praktikal

4. DAPATAN

Jadual 6 menunjukkan taburan demografi responden kajian melibatkan seramai 57 orang murid Tahap 2 yang terdiri daripada murid Tahun 4 dan Tahun 5. Dari segi jantina, majoriti responden ialah murid lelaki seramai 29 orang (50.8%), manakala murid perempuan seramai 28 orang (49.2%). Walaupun terdapat perbezaan peratusan antara jantina, taburan ini masih dianggap seimbang dan mencukupi untuk tujuan analisis kajian. Dari segi darjah pula, seramai 27 orang murid (47.3%) merupakan murid Tahun 4, manakala 30 orang murid (52.7%) ialah murid Tahun 5. Taburan responden yang hampir seimbang antara kedua-dua darjah ini menunjukkan bahawa sampel kajian mewakili murid Tahap 2 secara munasabah dan sesuai digunakan bagi menilai keberkesanan intervensi pengajaran Pendidikan Islam berasaskan Kecerdasan Pelbagai.

Jadual 6: Taburan Responden Kajian

Kategori	Kekerapan	Peratus (%)
Jantina		
Lelaki	29	50.8
Perempuan	28	49.2
Darjah		
Tahun 4	27	47.3
Tahun 5	30	52.7
Jumlah	57	100

Jadual 7: Analisis Ujian T Kecerdasan Pelbagai

Domain	n	Min (Pra)	SP	Min (Pasca)	SP	t	df	Sig.
Eksistensial	38	74.37	14.46	75.66	11.48	-1.75	37	0.089

Intrapersonal	11	69.73	12.08	74.09	10.57	-4.66	10	0.001*
Interpersonal	8	70.88	27.37	74.00	20.85	-1.27	7	0.246

Jadual 7 di atas menunjukkan keputusan ujian-t sampel berpasangan yang dijalankan bagi menilai perbezaan pencapaian akademik sebelum dan selepas intervensi pengajaran mengikut kecerdasan dominan murid. Dapatan menunjukkan bahawa hanya kumpulan murid yang mempunyai kecerdasan Intrapersonal sebagai kecerdasan dominan mencatatkan perbezaan yang signifikan secara statistik antara ujian pra dan pasca ($t = -4.66$, $df = 10$, $p < .05$). Kumpulan Eksistensial dan interpersonal turut menunjukkan peningkatan min pasca, namun perbezaan tersebut tidak signifikan secara statistik ($p > .05$). Dapatan ini menunjukkan bahawa keberkesanan intervensi berbeza mengikut domain kecerdasan dominan murid.

Jadual 8: Analisis Ujian Kesan Cohen's

Domain	n	Cohen's	Interpretasi Saiz Kesan
Eksistensial	38	0.28	Kesan kecil
Intrapersonal	11	1.40	Kesan besar
Interpersonal	8	0.45	Kesan sederhana

Jadual 8 di atas menunjukkan saiz kesan intervensi pengajaran Pendidikan Islam berasaskan Kecerdasan Pelbagai terhadap pencapaian akademik murid mengikut kecerdasan dominan. Dapatan menunjukkan bahawa kumpulan Intrapersonal mencatatkan saiz kesan yang besar ($d = 1.40$), menandakan impak praktikal yang kuat terhadap peningkatan pencapaian akademik. Kumpulan interpersonal menunjukkan saiz kesan sederhana ($d = 0.45$), manakala kumpulan Eksistensial mencatatkan saiz kesan kecil ($d = 0.28$). Walaupun tidak semua kumpulan menunjukkan perbezaan signifikan secara statistik, analisis saiz kesan mengesahkan bahawa intervensi memberikan impak yang berbeza dari sudut magnitud praktikal mengikut domain kecerdasan dominan.

5. PERBINCANGAN

Perbincangan ini mensintesis dapatan kajian dengan kajian-kajian lepas yang relevan bagi menjelaskan bagaimana dan mengapa kaedah pengajaran Pendidikan Islam berasaskan Kecerdasan Pelbagai memberi kesan terhadap pencapaian akademik murid Tahun 4 dan Tahun 5. Perbincangan difokuskan kepada tiga domain kecerdasan pelbagai yang dominan, iaitu kecerdasan Eksistensial, Intrapersonal dan Interpersonal, selari dengan reka bentuk intervensi yang dilaksanakan.

5.1. Kecerdasan Eksistensial dan Pembelajaran Bermakna dalam Pendidikan Islam

Dapatan kajian menunjukkan bahawa kecerdasan Eksistensial merupakan domain kecerdasan paling dominan dalam kalangan murid. Walaupun analisis pra dan pasca menunjukkan peningkatan skor min pencapaian akademik, perbezaan tersebut tidak signifikan secara statistik dan saiz kesan adalah kecil. Dapatan ini mencadangkan bahawa pendekatan berasaskan kecerdasan Eksistensial memberi kesan positif terhadap pembelajaran murid, namun kesannya lebih kepada perubahan sikap dan penghayatan murid, dan mungkin mengambil masa untuk memberi kesan yang lebih ketara terhadap pencapaian akademik (Nurhikmah, 2023).

Dapatan ini menyokong hujah bahawa kecerdasan Eksistensial berkait rapat dengan pemaknaan, nilai dan tujuan pembelajaran, yang tidak semestinya diterjemahkan secara langsung kepada peningkatan skor akademik dalam tempoh singkat (Kamilia, 2023). Dalam Pendidikan Islam, pembelajaran berasaskan nilai dan refleksi merupakan asas pembentukan kefahaman mendalam dan penghayatan akhlak (Setiawan et al., 2020). Kajian menunjukkan bahawa pengajaran berorientasikan nilai sering memberi kesan tidak langsung terhadap pencapaian akademik melalui peningkatan motivasi dan penglibatan murid (Munzaini et al., 2023).

Kajian-kajian terdahulu turut menyatakan bahawa pembelajaran bermakna memerlukan tempoh masa yang mencukupi untuk menghasilkan kesan akademik yang signifikan (Al Arood et al., 2023). Menurut Giannini (2025) menegaskan bahawa pendidikan berasaskan nilai dan makna merupakan teras pembelajaran abad ke-21, namun kesannya sering lebih ketara terhadap pembangunan sahsiah, pemikiran kritikal dan kesedaran

kendiri berbanding pencapaian akademik jangka pendek.

Oleh itu, dapatan kajian ini mencadangkan bahawa strategi pengajaran berasaskan kecerdasan Eksistensial berpotensi menyokong pembelajaran Pendidikan Islam secara holistik, namun keberkesanan akademiknya mungkin lebih optimum jika dilaksanakan secara berterusan dan digabungkan dengan strategi kognitif yang lebih berstruktur.

5.2. Kecerdasan Intrapersonal dan Regulasi Kendiri Murid

Dapatan kajian menunjukkan bahawa kecerdasan Intrapersonal memberikan kesan yang paling signifikan terhadap pencapaian akademik murid. Analisis ujian-t sampel berpasangan menunjukkan perbezaan yang signifikan antara skor pra dan pasca, manakala nilai saiz kesan yang besar menunjukkan impak praktikal yang kukuh. Dapatan ini menegaskan bahawa strategi pengajaran berasaskan refleksi sendiri dan pembelajaran sendiri amat berkesan dalam konteks kajian ini.

Dapatan ini sejajar dengan teori regulasi sendiri yang menegaskan bahawa murid yang mampu memantau, menilai dan mengawal pembelajaran sendiri cenderung mencapai pencapaian akademik yang lebih tinggi (Qowiyah, 2020). Meta-analisis oleh Hattie (2020) dan Donker et al. (2021) turut menunjukkan bahawa strategi metakognitif dan refleksi sendiri mempunyai saiz kesan yang besar terhadap pencapaian akademik murid.

Dalam konteks Pendidikan Islam, kecerdasan Intrapersonal memainkan peranan penting dalam pembentukan kesedaran diri, muhasabah dan tanggungjawab sendiri sebagai seorang Muslim (Alam et al., 2023). Kajian-kajian tempatan dan antarabangsa menunjukkan bahawa aktiviti refleksi sendiri, jurnal pembelajaran dan penilaian sendiri dapat meningkatkan kefahaman konsep, motivasi intrinsik dan komitmen murid terhadap pembelajaran agama (Safrudin et al., 2022).

Selain itu, Arafah et al. (2021) menegaskan bahawa keupayaan regulasi sendiri merupakan kompetensi teras pembelajaran sepanjang hayat. Oleh itu, dapatan kajian ini mengukuhkan hujah bahawa kecerdasan Intrapersonal bukan sahaja menyumbang kepada pencapaian akademik, malah membina asas pembelajaran sendiri yang berterusan dan berkesan.

5.3. Kecerdasan Interpersonal dan Pembelajaran Koperatif

Dapatan kajian menunjukkan bahawa kecerdasan interpersonal menyumbang kepada peningkatan pencapaian akademik murid, namun perbezaan tersebut tidak signifikan secara statistik. Walau bagaimanapun, nilai saiz kesan yang sederhana menunjukkan bahawa strategi pembelajaran koperatif dan interaksi sosial memberi kesan yang bermakna dari sudut praktikal.

Dapatan ini selari dengan teori konstruktivisme sosial yang menegaskan bahawa pembelajaran berlaku secara optimum melalui interaksi sosial dan kolaborasi (Arini & Umami, 2019). Kajian oleh Al Arood et al. (2020) menunjukkan bahawa pembelajaran koperatif yang terancang dapat meningkatkan penglibatan murid dan pencapaian akademik, walaupun kesannya dipengaruhi oleh faktor saiz kumpulan dan tempoh intervensi.

Dalam Pendidikan Islam, interaksi sosial memberi ruang kepada murid menghayati nilai akhlak, adab dan kerjasama melalui pengalaman sebenar (Sandy et al., 2024; Amin et al., 2023). Menurut Nawi (2020) kemahiran interpersonal dan kolaboratif merupakan elemen penting dalam pendidikan abad ke-21 dan perlu diintegrasikan secara sistematik.

Oleh itu, dapatan kajian ini mencadangkan bahawa strategi berasaskan kecerdasan interpersonal berpotensi memberi kesan yang lebih besar sekiranya dilaksanakan dalam tempoh yang lebih panjang dan dengan struktur pembelajaran koperatif yang lebih mantap dan konsisten.

6. KESIMPULAN

Kajian ini dilaksanakan bagi menilai keberkesanan kaedah pengajaran Pendidikan Islam berasaskan Kecerdasan Pelbagai terhadap pencapaian akademik murid Tahun 4 dan Tahun 5 di Sekolah Rendah Integrasi Teras Islam (SRITI). Intervensi pengajaran dirancang dengan memberi tumpuan kepada tiga domain kecerdasan pelbagai yang dikenal pasti sebagai dominan dalam kalangan murid, iaitu kecerdasan Eksistensial, Intrapersonal dan Interpersonal. Secara teorinya, ketiga-tiga domain ini dijangka memberi kesan yang signifikan terhadap pencapaian akademik kerana masing-masing menyokong pembelajaran bermakna, regulasi sendiri dan interaksi sosial yang aktif dalam bilik darjah.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa secara keseluruhan, terdapat peningkatan skor pencapaian akademik selepas pelaksanaan intervensi pengajaran. Namun, tahap signifikan berbeza mengikut domain kecerdasan. Kecerdasan Intrapersonal menunjukkan peningkatan yang signifikan dan saiz kesan yang besar, manakala kecerdasan Eksistensial dan interpersonal menunjukkan peningkatan skor min tetapi tidak signifikan secara statistik, dengan saiz kesan kecil dan sederhana. Walaupun dapatan ini tidak sepenuhnya menyokong jangkaan awal penyelidik bahawa ketiga-tiga domain akan signifikan, peningkatan skor yang konsisten tetap menunjukkan kewujudan kesan positif intervensi.

Keadaan ini boleh dijelaskan melalui beberapa faktor metodologi. Pertama, tempoh intervensi yang singkat berkemungkinan tidak mencukupi untuk menghasilkan perubahan akademik yang ketara, khususnya bagi kecerdasan Eksistensial yang lebih tertumpu kepada aspek pemaknaan nilai dan perubahan sikap. Perubahan dalam domain afektif lazimnya memerlukan masa yang lebih panjang sebelum memberi kesan langsung terhadap pencapaian kognitif. Kedua, saiz sampel bagi setiap domain kecerdasan adalah kecil dan tidak seimbang, yang boleh mengurangkan kuasa statistik (*statistical power*) serta menghadkan keupayaan untuk mengesan perbezaan yang signifikan. Dalam kajian kuasi-eksperimen, bilangan sampel yang terhad sering mempengaruhi magnitud kesan dan tahap signifikan statistik.

Dari sudut implikasi, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pendekatan pengajaran berasaskan Kecerdasan Pelbagai mempunyai potensi yang besar untuk meningkatkan pencapaian akademik, namun pelaksanaannya perlu dirancang secara lebih sistematik dan berjangka panjang. Intervensi seharusnya dimulakan lebih awal, sebaik sahaja profil kecerdasan murid dikenal pasti, dan dilaksanakan secara berterusan sekurang-kurangnya dalam tempoh lima hingga enam bulan dengan perancangan pengajaran yang tersusun dan konsisten. Tempoh intervensi yang lebih panjang akan memberi ruang kepada murid untuk menyesuaikan diri dengan strategi pembelajaran yang baharu serta memperkukuhkan perubahan dalam aspek kognitif dan afektif.

Selain itu, kajian lanjutan dicadangkan melibatkan saiz sampel yang lebih besar dan lebih pelbagai bagi meningkatkan kebolehpercayaan dan kebolehgunaan dapatan. Dengan sampel yang lebih besar, analisis statistik akan menjadi lebih stabil dan berupaya mengesan kesan intervensi dengan lebih tepat. Hal ini akan menjadikan dapatan kajian lebih praktikal, relevan dan boleh digeneralisasikan dalam konteks pendidikan Islam yang lebih luas.

Secara keseluruhannya, kajian ini mengesahkan bahawa pengajaran Pendidikan Islam yang mengambil kira kepelbagaian kecerdasan murid merupakan pendekatan pedagogi yang signifikan dan berpotensi tinggi. Walaupun tidak semua domain menunjukkan signifikan statistik dalam tempoh kajian ini, kecenderungan peningkatan pencapaian akademik yang konsisten menunjukkan bahawa pendekatan ini wajar diperkukuhkan dan dikembangkan secara lebih sistematik pada masa hadapan.

Research and Publication Ethics Statement

Kajian ini menggunakan reka bentuk kuasi-eksperimen dan dilaksanakan secara kajian lapangan melalui pendekatan kuantitatif. Data kajian diperoleh daripada responden yang terlibat secara langsung dalam konteks kajian bagi mendapatkan maklumat empirikal berkaitan pemboleh ubah yang dikaji. Pelaksanaan kajian ini mematuhi prinsip etika penyelidikan, termasuk mendapatkan kerjasama responden secara sukarela, menjaga kerahsiaan maklumat, tidak mendedahkan identiti peribadi responden, serta memastikan data yang dikumpulkan hanya digunakan untuk tujuan akademik. Selain itu, kajian ini turut menekankan integriti

penyelidikan dan penerbitan akademik melalui pelaporan dapatan secara jujur serta penghargaan yang sewajarnya kepada sumber dan penulis asal yang dirujuk.

Contribution Rates of Authors to the Article

Semua penulis memberi sumbangan dalam penulisan artikel ini.

Statement of Interest

Semua penulis mengklasifikasikan bahawa mereka tidak mempunyai konflik kepentingan.

REFERENCES

- Al Arood, M. A. S., Aljallad, M. Z., & Baioumy, N. (2020). The effectiveness of a cloud-based learning program in developing reflective thinking skills in islamic education among students in UAE. *International Journal of Education and Practice*, 8(1), 158-173. <https://doi.org/10.18488/journal.61.2020.81.158.173>
- Alam, A. A. U., Aziz, J. A., & Han, M. I. (2023). Multiple intelligences dalam Al-Qur'an serta implikasinya dalam pendidikan Islam. *IQ (Ilmu Al-qur'an): Jurnal Pendidikan Islam*, 6(01), 71-106. <https://doi.org/10.37542/a6s4j091>
- Al Hosni, A. A., & Al-Manthari, R. S. (2021). Multiple Intelligences among ninth-grade students in the sultanate of Oman. *World Journal of Education*, 11(2), 15-23. <https://doi.org/10.5430/wje.v11n2p15>
- Amin, A., Alimni, A., Kurniawan, D. A., Triani, E., & Septi, S. E. (2023). Interpersonal communication skills on student discipline: Analysis of the effects of Islamic religious learning. *Lentera Pendidikan: Jurnal Ilmu Tarbiyah dan Keguruan*, 26(1), 135-152. <https://doi.org/10.24252/lp.2023v26n1i10>
- Arafah, A. L. A., Widiyastuti, L., & Sada, H. J. (2021). Multiple intelligence dalam perspektif pendidikan Islam. *Al-Tadzkiriyah: Jurnal Pendidikan Islam*, 12(2), 319-348. <https://doi.org/10.24042/atjpi.v12i2.10639>
- Barman, P., & Roy, A. (2021). Intrapersonal intelligence and decision-making ability of higher secondary school students. *MIER Journal of Educational Studies Trends and Practices*, 11(2), 343-367. <https://doi.org/10.52634/mier/2021/v11/i2/1951>
- Berliana, D., & Atikah, C. (2023). Teori multiple intelligences dan implikasinya dalam pembelajaran. *Jurnal Citra Pendidikan*, 3(3), 1108-1117. <https://doi.org/10.38048/jcp.v3i3.963>
- Cohen, L., Manion, L., & Morrison, K. (2002). *Research methods in education* (5th ed.). London: Routledge.
- Creswell, J. W., & Creswell, J. D. (2017). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approach* (5th ed.). Sage Publication.
- Gardner, H., & Hatch, T. (1989). Educational implications of the theory of multiple intelligences. *Educational researcher*, 18(8), 4-10. <https://doi.org/10.3102/0013189X018008004>
- Giannini, S. (2025). Reimagining the futures of education. *Prospects*, 55, 299-307. <https://doi.org/10.1007/s11125-025-09740-0>
- Gignac, G. E., & Szodorai, E. T. (2016). Effect size guidelines for individual differences researchers. *Personality and individual differences*, 102, 74-78. <https://doi.org/10.1016/j.paid.2016.06.069>
- Kadis, K., Imron, A., Mustiningsih, M., & Sumarsono, R. B. (2023). Trends and insights on multiple intelligences in Islamic schools: A bibliometric analysis. *Journal of Education (University of KwaZulu-Natal)*, (93), 89-119. <https://doi.org/10.17159/2520-9868/i93a05>
- Kamilia, Y. (2023). Upaya guru dalam mengembangkan kecerdasan interpersonal dan intrapersonal siswa usia dini. *CERDAS-Jurnal Pendidikan*, 2(2), 30-39. <https://doi.org/10.58794/cerdas.v2i2.144>
- Lei, D. Y., Cheng, J. H., Chen, C. M., Huang, K. P., & James Chou, C. (2021). Discussion of teaching with multiple intelligences to corporate employees' learning achievement and learning motivation. *Frontiers in psychology*, 12, 770473. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2021.770473>
- Lubis, H. S., Lubis, S. A., & Daulay, N. (2024). Multiple intelligences-based learning strategies for islamic religious education in private elementary schools. *Al-Hayat: Journal of Islamic Education*, 8(2), 612-632. <https://doi.org/10.35723/ajie.v8i2.513>

- Maciejewski, M. L. (2020). Quasi-experimental design. *Biostatistics & Epidemiology*, 4(1), 38-47. <https://dx.doi.org/10.1080/24709360.2018.1477468>
- Makki, A., Hidayatullah, M. F., Baharuddin, B., & Basri, B. (2023). Formulation of alternative islamic education through the multiple intelligences approach at boarding school. *AL-ISHLAH: Jurnal Pendidikan*, 15(3), 4028-4037. <https://doi.org/10.35445/alishlah.v15i3.3425>
- Munjiat, S. M., Firdaus, S., Surahman, A., & Sumarna, C. (2025). Islamic Education Learning Based on Multiple Intelligences: Invative Learning Strategis at Cadangpinggan Islamic Boarding School. *Edukasi Islami: Jurnal Pendidikan Islam*, 14(02), 305-320.
- Munzaini, M., Sugiyono, S., & Hasyim, A. D. (2023). Implementation of multiple intelligences in bayt Al-Hikmah Pasuruan first middle school. *Language Circle: Journal of Language and Literature*, 17(2), 357-367. <https://doi.org/10.30868/ei.v14i02.8299>
- Nawi, A., Samah, N. A., Yaakob, M. F. M., Yusof, M. R., Othman, M. K., Makhsin, M., & Zameran, F. A. (2023). Isu dan masalah dalam pengurusan dan pelaksanaan pendidikan islam di Malaysia. *JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 10(4), 41-55. Retrieved from <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JUPIDI/article/view/48473/16339>
- Nawi, M. Z. M. (2020). Transformasi pengajaran dan pembelajaran multimedia dalam pendidikan Islam: Satu perbincangan. *Journal of ICT in Education*, 7(2), 14-26. <https://doi.org/10.37134/jictie.vol7.2.2.2020>
- Nurhikmah, C. (2023). Kecerdasan majemuk (multiple intelligences) siswa sekolah dasar menurut howard gardner dalam perspektif pendidikan Islam. *Jurnal Pendidikan Guru Madrasah Ibtidaiyah*, 4(1), 30-39.
- Qowiyah, S. H. (2020). Analisis kecerdasan interpersonal anak kelompok B. *Cakrawala Dini: Jurnal Pendidikan Anak Usia Dini*, 11(2), 96-101. <https://doi.org/10.17509/cd.v11i2.26239>
- Rafi, M., Qameer, N., & Salonen, E. (2025). How Islamic Religious Education Fosters Reflective Thinking Skills in a Multicultural and Democratic Context. *Multicultural Islamic Education Review*, 3(2), 231-244. <https://doi.org/10.23917/mier.v3i2.12475>
- Rifqi, M. I., & Suwendi, S. (2025). Synergizing multiple intelligences with learning strategies in islamic and western education perspectives. *Belajea: Jurnal Pendidikan Islam*, 10(1), 99-128. <https://doi.org/10.29240/belajea.v10i1.11504>
- Safuruddin, M., Maemonah, M., & Sakdah, M. S. (2022). Implementasi kecerdasan interpersonal pada anak usia dasar: analisis jurnal sinta 2 sampai 5. *Al-Madrasah: Jurnal Ilmiah Pendidikan Madrasah Ibtidaiyah*, 6(4), 1234-1247. <http://dx.doi.org/10.35931/am.v6i4.1149>
- Sandy, W. E., Fakhruddin, A., & Parhan, M. (2024). The implementation of cooperative learning method: Revitalizing the learning process of islamic religious education. *Jurnal Educative: Journal of Educational Studies*, 9(2), 138-149. <https://doi.org/10.30983/educative.v9i2.8677>
- Setiawan, R., Mardapi, D., & Karyanto, U. B. (2020). Multiple intelligences-based creative curriculum: The best practice. *European Journal of Educational Research*, 9(2), 611-627. <https://doi.org/10.12973/eu-er.9.2.611>
- Supriatna, U., Trinova, Z., Anantadjaya, S. P., & Dewi, M. P. (2021). The application of multiple intelligences in Islamic religious education. *Al-Isblab: Jurnal Pendidikan*, 13(3), 2381-2390. <https://doi.org/10.35445/alishlah.v13i3.700>
- Zakaria, S. K., & Daud, M. N. (2020). Kecerdasan pelbagai dalam kalangan pelajar IPTA berdasarkan jantungina. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 2(3), 237-253. Retrieved from <http://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd>